

06 AUG 2003

Mahathir-Patriotisme

SEMANGAT PATRIOTISME RAKYAT MALAYSIA MASIH TINGGI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa syukur kerana semangat patriotisme dan penghayatan erti kemerdekaan negara di kalangan rakyat semakin meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Perdana Menteri berkata setiap kali perayaan kemerdekaan, pelbagai aktiviti diadakan untuk menyatakan penghargaan serta meningkatkan semangat kemerdekaan.

"Semangat patriotisme sekarang ini lebih tinggi daripada dekad-dekad lepas. Ini sesuatu yang amat baik kerana apabila kita lupa akan nasib baik kita, kita tak ingat akan usaha mempertahankan nasib baik kita ini," katanya semasa berucap nerasmikan pameran "Imajan dan Suara Kemerdekaan" di Balai Seni Maybank di Menara Maybank di sini, malam ini.

Pameran sempena sambutan Hari Kemerdekaan anjuran Maybank dan Anugerah Galeri Sdn Bhd itu menghimpunkan 107 buah karya seni oleh 100 orang pelukis.

Selain lukisan, pameran itu turut disertakan puisi-puisi yang bertemakan kemerdekaan.

Dr Mahathir berkata pada masa ini banyak negara dan bangsa masih dijajah sehingga menyebabkan rakyatnya berasa amat kecewa dengan nasib mereka apabila melihat Malaysia bebas dan maju.

Beliau berkata ramai rakyat Malaysia terutama yang lahir selepas Merdeka malahan mereka yang lahir beberapa tahun sebelum merdeka tidak merasa bagaimana dijajah dan kurang faham dengan apa maknanya dijajah.

Kebanyakan mereka menganggap bahawa kemerdekaan adalah satu keadaan biasa kerana sesiapa pun merdeka tapi ramai yang tidak tahu bahawa untuk mencapai kemerdekaan negara ini, ia memerlukan ramai yang berusaha bertungkus lumus menentang British dan berunding untuk mencapai kemerdekaan.

Perdana Menteri menyifatkan usaha Maybank mengadakan pameran untuk memperingati kemerdekaan satu usaha baik dan berharap lebih banyak usaha seumpamanya dibuat.

Beliau berkata tanpa menghayati kemerdekaan tidak mungkin rakyat dan negara ini dapat mencapai kejayaan dan kemajuan yang dikecapi sekarang.

Dr Mahathir yakin Pameran Imajan dan Suara Kemerdekaan itu dapat menghidupkan semangat dan meningkatkan penghargaan rakyat kepada kemerdekaan negara di samping dapat menghasilkan kutipan derma untuk Tabung Rayuan Hari Pahlawan

Merujuk kepada kejayaan kumpulan Maybank mengumpulkan aset daripada RM14.3 bilion pada 1982 kepada RM149.6 bilion tahun lepas, beliau berkata kejayaan itu tidak mungkin dicapai sekiranya Malaysia masih dijajah.

"Aset Maybank tak tumbuh begitu sahaja tanpa menghadapi masalah. Maybank banyak hadapi masalah dan liku-liku sehingga pada satu masa terpaksa diselamatkan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir turut bersyukur kerana walaupun bank terbesar di Malaysia itu tidak lagi dimiliki pemilik asal, pemilik yang sedia ada mampu mengurusnya dengan begitu baik sehingga menjadi bank terbesar negara ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata Maybank mempunyai potensi untuk tumbuh lebih pesat dan mampu menyaingi bank-bank asing lain apabila negara terpaksa "buka sempadan" berikutan globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut menerima sumbangan RM200,000

daripada kumpulan Maybank kepada Tabung Rayuan Hari Pahlawan.

Di samping itu beliau turut meluangkan masa melihat pameran lukisan dan puisi itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Mohd Shafie Apdal, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zetti Akhtar Aziz, Pengerusi Maybank Tan Sri Mohamed Basir Ahmad, Naib Pengerusi Maybank Datuk Richard Ho serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Datuk Amirsham A Aziz.

-- BERNAMA

HS RW MOZ